

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YBHG. DATO' ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**SEMINAR MODAL INSAN PENGETUA-
PENGETUA NEGERI PAHANG 2018**

**30 OKTOBER 2018 (SELASA)
8.00 MALAM
ANCASA ROYALE HOTEL, PEKAN,
PAHANG**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.
Terima Kasih Pengacara Majlis.

**[SALUTASI TERKINI DISEDIAKAN
PENGANJUR]**

1. Alhamdulillah, saya
merafakkan setinggi-tinggi
kesyukuran kehadiran ALLAH S.W.T.
kerana dengan limpah keizinan-Nya,
kita dapat berkumpul pada malam
ini, dalam Majlis Makan Malam
JasaMu Dikenang Sempena

Program Seminar Modal Insan
Pengetua-Pengetua Negeri Pahang
2018.

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada pihak Majlis

Pengetua-Pengetua Negeri Pahang kerana sudi menjemput saya untuk hadir pada majlis makan malam yang penuh gemilang ini.

3. Ini adalah satu usaha murni yang dilakukan bagi mengenang

jasa pengetua selaku ketua pentadbir sekolah serta memberi penghargaan kepada mereka yang banyak menyumbang bakti dalam dunia pendidikan ini. Tidak terbalas jasa mereka ini yang telah melalui pelbagai fasa untuk memastikan

sekolah yang mereka terajui berada pada tahap terbaik serta kejayaan demi kejayaan telah ditempa untuk menaikkan nama sekolah.

4. Selaku pengerusi koperasi sekolah masing-masing, Tuan/Puan

telah banyak melakar kejayaan demi kejayaan dalam membimbing koperasi agar terus memacu kejayaan. ANGKASA menzahirkan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua pengetua di Negeri Pahang kerana membuka pintu dan

memberi laluan kepada ANGKASA
untuk bersama-sama
membangunkan sektor koperasi
sekolah melalui pendekatan modal
insan seperti pendidikan kepada
anggota-anggota koperasi melalui
kursus-kursus dan seminar-seminar

modal insan serta lain-lain program yang berimpak tinggi kepada perniagaan koperasi.

5. Antara program-program tersebut termasuklah Anugerah Kecemerlangan Koperasi Sekolah

(AKKS), Program Peruncitan di koperasi sekolah melalui Sektor Peruncitan Dan Pemborongan ANGKASA, Program Pemadanan Perniagaan Koperasi Sekolah, dan Program Khidmat Masyarakat atau

kini dikenali sebagai Program Coop Care.

6. Tanpa sokongan tuan-tuan dan puan-puan, tidak mungkin ANGKASA dapat masuk ke sekolah-sekolah untuk menyalurkan

pendidikan koperasi serta
membangunkan idea-idea untuk
memajukan koperasi sekolah.
Perkongsian pintar antara ANGKASA
dengan pihak sekolah ini akan terus
menjana kelestarian pembangunan
koperasi sekolah.

Hadirin yang dihormati sekalian

7. Untuk makluman, ANGKASA mensasarkan menjelang tahun 2020 sekurang-kurangnya 10 koperasi sekolah yang boleh menjana pendapatan sehingga melebihi RM1

juta . Ini tidak mustahil kerana 10 buah sekolah telah mencapai perolehan RM1 juta bagi tahun sebelum ini. Bagi tahun 2018 terdapat enam (6) buah koperasi sekolah yang menjana perolehan

melebihi RM1 juta. Koperasi sekolah berkenaan ialah:

- i) Koperasi MRSM Kepala Batas Pulau Pinang Berhad;
- ii) Koperasi MRSM Kubang Pasu Jitra Kedah Berhad;

- iii) Koperasi Kolej Vokasional Tanah Merah Kelantan Berhad;
- iv) Koperasi MRSM Taiping Perak Berhad;
- v) Koperasi MRSM Batu Pahat Johor Berhad; dan

vi) Koperasi MRSM Tunku Abdul Razak Pekan Pahang Berhad.

8. Kejayaan ini adalah kejayaan kita semua, baik dari dorongan ANGKASA mahupun sokongan pihak koperasi sekolah dan semua agensi

yang terlibat secara langsung dengan kejayaan ini. Sokongan dan dorongan berterusan dari tuan-tuan dan puan-puan juga memastikan koperasi sekolah berjaya melahirkan ramai usahawan dalam kalangan koperator sekolah.

9. Kejayaan gerakan koperasi sekolah di Malaysia telah menarik minat delegasi dari negara luar berkunjung ke Malaysia untuk melihat sendiri kejayaan pengurusan koperasi sekolah di negara kita. Ini menunjukkan bahawa negara luar

mengiktiraf usaha ANGKASA dan semua pihak yang terlibat secara langsung membangunkan koperasi sekolah di negara ini.

10. Ini merupakan pencapaian yang amat membanggakan kerana

kita berjaya membuka mata dunia untuk meneroka dan belajar serta berkongsi kepakaran dalam membangunkan koperasi sekolah. Ini merupakan impak besar yang harus dijadikan sebagai penanda aras bagi kita supaya terus berusaha

lebih gigih untuk memantapkan gerakan koperasi sekolah di negara kita.

11. Rentetan kejayaan ini, ANGKASA sentiasa berusaha bersungguh-sungguh merangka

modul-modul pendidikan berkaitan ilmu koperasi melalui Bahagian Kepimpinan Modal Insan dan Pembangunan Keusahawanan ANGKASA selain mempelbagaikan program yang bersesuaian untuk diberi kepada koperasi sekolah agar

mereka terus maju dalam usaha menyumbang kepada ekonomi negara.

12. Sebelum mengundur diri, sekali lagi saya merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak

yang telah menjayakan seminar modal insan anjuran ANGKASA dengan kerjasama Majlis Pengetua-Pengetua Negeri Pahang. Tidak lupa juga kepada jawatankuasa pengelola Majlis Makan Malam Jasamu Dikenang yang bertungkus-

lumus memastikan majlis ini berjaya. Mudah-mudahan usaha murni ini menjadi pemangkin kepada kejayaan kita semua serta Majlis Pengetua-Pengetua Negeri Pahang ini dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab untuk

merealisasikan harapan anggota bagi memacu kejayaan demi kejayaan pada masa akan datang.

13. Saya dengan lafaz suci bismillahirrahmanirahim merasmikan

Seminar Modal Insan Pengetua-
Pengetua Negeri Pahang 2018.

Sekian terima kasih.

Wabillahittaufiq

Wassalamualaikum

Hiwabarakatuh.

Walhidayah

Warahmatullah